

ISSUE #14/15 NOVEMBER 2024

# GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION

A full-page photograph of Siti Nurhaliza, a Malaysian singer and actress, wearing a light pink, long-sleeved, floor-length gown with intricate floral embroidery in shades of pink, blue, and gold. She is also wearing a matching pink hijab. She is smiling and looking directly at the camera. The background is a solid dark olive-green color.

BUKAN SEJARAH BIASA,

*Siti Nurhaliza*

BIDUANITA NEGARA KETIGA

# Datuk Seri Siti Nurhaliza



Ini memang betul Siti Sana Sini, persis judul lagunya yang termuat dalam album Transkripsi terbitan tahun 2006.

Masakan tidak, melewati usia 29 tahun berkelana di belantika muzik Nusantara, tidak ada yang boleh menebak seorang anak polis dengan pengenalan nama Siti Nurhaliza Tarudin akan menerima gelaran tertinggi dalam industri seni Malaysia iaitu Biduanita Negara.

Ya zahirkan ucap tahniah dan ikut berpesta dengan penganugerahan yang diberikan kepada tokoh seni pus�ita hati rakyat Malaysia ini.

Menyelak diskografi kariernya, ratusan penghargaan dari dalam dan luar negeri, penjualan album tidak pernah mengecewakan, kekal relevan sepanjang zaman dan sering mengharumkan nama negara sehingga ke persada dunia.

Jangan disangkal mengapa isteri Datuk Sri Khalid Muhamad Jiwa ini terpilih sebagai Biduanita Negara ketiga selepas Allahyarham Puan Sri Saloma dan Allahyarham Datuk Sharifah Aini.

Jika Sharifah Aini memerlukan jeda waktu 28 tahun untuk menjadi Biduanita Negara selepas Saloma, Siti diberi gelaran yang cukup unggul ini berselang 18 tahun daripada penghibur sebelumnya.

Dan seperti biasa dengan penuh kerendahan hati, Siti menyifatkan gelaran Biduanita Negara Ketiga yang dimilikinya didedikasikan kepada seluruh karyawan seni.

"Amanah dan kepercayaan ini juga adalah satu tanggungjawab buat saya secara peribadi untuk terus memartabatkan seni dan budaya terutama dalam bidang muzik untuk terus cemerlang dan subur mewarnai zaman.

"Seni juga menghubungkan dan menyatukan kita tanpa mengira agama, bahasa, bangsa dan negara," luahnya melalui kenyataan media.

Siti, 45, menerima gelaran Biduanita Negara sempena Anugerah Seni Negara 2024 (ASN 2024) anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Khamis lalu.

Seiring gelaran yang diterima, pesohor itu juga melancarkan lagu baharu dengan judul Sejarah, ciptaan Erwin Gutawa dan khidmat Czech Symphoy Orchestra.

"Memang dalam banyak-banyak lagu, lagu ini macam perlu berdiri sendiri sebab muzik yang sangat besar kerana ia menggunakan orkestra dan ada beberapa perkara lain.

"Lagu ini seperti saya berada dalam semua fasa perjalanan seni dan satu persatu memori terbayang sewaktu menyampaikannya," kongsinya.

Mahu katakan apa lagi. Seorang Siti Nurhaliza memang punya sakti tersendiri.

- MALIAH SURIP

# Kenali Dua Tokoh Seni Digelar Biduanita Negara, Saloma & Sharifah Aini

Selain Datuk Sri Siti Nurhaliza, dua penghibur Malaysia yang sangat dihormati serta menjadi yang terbaik sepanjang zaman iaitu Allahyarham Puan Sri Datin Saloma dan Allahyarham Datuk Sharifah Aini telah menerima gelaran Biduanita Negara.

Berikut sedikit fakta mengenai kedua-dua tokoh seni yang disegani ini sehingga layak diangkat sebagai Biduanita Negara.



## ALLAHYARHAM PUAN SRI DATIN SALOMA

Allahyarham Saloma, penyanyi dan pelakon ikonik Malaysia, dianugerahkan gelaran Biduanita Negara pada tahun 1978 atas sumbangannya dalam seni.

Dikenali sebagai "Marilyn Monroe Asia", beliau popular dengan lagu-lagu malar segar seperti "Bila Larut Malam", "Bossanova" dan "Selamat Hari Raya" serta lakonan dalam filem seperti Seniman Bujang Lapok dan Madu Tiga.

Selain berjaya dalam nyanyian, Saloma turut mengharumkan nama Malaysia di Nusantara dan Australia. Selepas pemergiannya pada usia 48 tahun, jasanya dikenang melalui penamaan Restoran Saloma Bistro dan jambatan Pintasan Saloma di Kuala Lumpur.



## ALLAHYARHAM DATUK SHARIFAH AINI

Allahyarham Datuk Sharifah Aini dianugerahkan gelaran Biduanita Negara pada tahun 2006, 28 tahun selepas gelaran itu pertama kali diberikan kepada Saloma.

Sharifah Aini, dikenali dengan suara 'bak buluh perindu' menghasilkan 140 album sepanjang empat dekad kariernya dan membawa nama Malaysia ke peringkat antarabangsa.

Penghibur yang disanjung sepanjang zaman ini meninggal dunia pada usia 61 tahun pada 5 Julai 2014, meninggalkan legasi seni yang dihormati. Lagu-lagu seperti "Bunga Tanjung" dan "Suasana Hari Raya" memastikan jasanya terus dikenang.

## Tiket Tak Laku, Isu Keselamatan Punca 4 Konsert Ini Dibatalkan

Meski bukan satu isu baharu apabila sesebuah konsert atau festival dibatalkan penganjurannya atas faktor-faktor yang tidak dapat dielakkan namun ia tetap memberi kesan kepada semua pihak termasuk reputasi artis dan penganjur serta perasaan hampa peminat.

Namun sebagai manusia kita hanya mampu merancang. Dan siapa sahaja antara artis yang terpaksa berdepan episod pembatalan konsert pada saat akhir?

### Aisha Retno

Hanya sekitar satu minggu sebelum konsert sulung Aisha Retno berlangsung, penganjur mengumumkan terpaksa membatalkan penganjuran acara tersebut. Konsert Malam Sutera Aisha Retno dijadual berlangsung pada 16 November ini di Zepp Kuala Lumpur. Namun pihak Kharisma Music International memutuskan pembatalan konsert tersebut dibuat atas faktor penjualan tiket perlahan. Aisha Retno sempat menzahirkan rasa sedih kerana tidak mengetahui pembatalan konsertnya sehingga diumumkan di media sosial namun reda dengan apa yang berlaku.

### Festival Good Vibes


Gara-gara sikap biadab dipamerkan oleh vokalis kugiran dari United Kingdom (UK), The 1975, baki dua hari Festival Good Vibes yang berlangsung pada Julai tahun lalu diarah batal oleh kerajaan. Matty Healy antaranya meminum arak di atas pentas, meludah dan memperlekehkan undang-undang negara berkaitan isu lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) sebelum mencium pemain bass, Ross McDonalds di pentas.

### Dua Lipa

Penyanyi antara bangsa Dua Lipa pula membatalkan konsertnya sebelum beraksi dalam tempoh 24 jam di Jakarta, Indonesia atas alasan faktor keselamatan. Dua Lipa mengumumkan terpaksa membatalkan penampilannya di Indonesia Arena dalam rangka jelajah konsert Asia Radical Optimism selepas mendapat keselamatan pada pentas yang didirikan tidak menepati piawaian keselamatan. Dia sebelumnya telah mengadakan konsert di Singapura sebelum dijadual meneruskan konsert jelajah tersebut ke negara Asia lain termasuk Malaysia sepanjang November ini.

### Jennifer Lopez

Jennifer Lopez mengumumkan pembatalan konsert jelajah 2024 pada Ogos lalu dengan alasan ingin menghabiskan lebih banyak masa bersama keluarga. Bagaimanapun fakta yang didapati daripada pembatalan Jennifer Lopez US Summer 2024 Tour 'THIS IS ME...LIVE' adalah sebaliknya. Pembatalan tersebut dibuat selepas penjualan tiket bintang mega itu tiada sambutan dan perlahan meski promotor telah menurunkan harga. - MALIAH SURIP



## Rezeki Duda - Janda Melimpah Ruah Lepas Cerai

Kata pepatah akan selalu ada pelangi selepas hujan barangkali tepat untuk menggambarkan situasi beberapa selebriti dan pempengaruh yang menjalani episod duka dalam kehidupan terutama berkaitan perceraian.


Sama ada berita perceraian banyak 'plot twist' atau dilaporkan secara langsung, rezeki Allah SWT serta simpati masyarakat akhirnya membawa keuntungan buat janda dan duda yang disakiti ini.

Berikut antara selebriti dan pempengaruh yang memperoleh rezeki berganda selepas episod perceraian.

1.



2.



3.



### Fattah Amin

Kerja keras, ada Fattah Amin untuk dihalalkan' mungkin menjadi satu ayat yang popular selepas pelakon tersebut bercerai dengan aktres Fazura pada awal Oktober lalu.

Dan selepas gara-gara beberapa kenyataan yang dikeluarkan bekas isterinya termasuk 'Fattah tidak pernah beri duit raya' dan nafkah, rezeki lelaki berusia 33 tahun tersebut mencurah-curah.

Fattah menerima banyak lamaran pekerjaan terutama menjadi pelaris produk termasuk yang paling berkesan adalah kerjasama dengan jenama Pak Mat Western.

Selain sempat menerima sehingga 26 juta tanda suka dengan lebih 100,000 tontonan sewaktu membuat siaran langsung di Tik Tok, Fattah menerima habuan komisen yang cukup lumayan hasil jualan kambing perap.

Pak Mat Western kemudian mendedahkan Fattah menolak komisen berjumlah RM90,000 dan diminta diinfakkan kepada golongan yang memerlukan.

### Bella Astillah

Sejak kisah dirinya dicurangi bukan sekali tetapi beberapa kali sehingga membawa kepada perceraian kali kedua dengan penyanyi dan pelakon Alif Aziz, Bella Astillah bukan sahaja menerima sokongan moral tetapi rezekinya sebagai ibu tunggal dua anak juga melimpah ruah.

Selain tawaran berlakon, Bella tidak menang tangan menerima permintaan melakukan persembahan pentas sama ada berskala kecil atau besar.

Kini penyanyi dan pelakon berusia 25 tahun yang tidak menuntut nafkah daripada bekas suami yang ditangkap khalwat bersama rakan baiknya suatu ketika dahulu, Ruhainies mahu memberi fokus mencari rezeki untuk memastikan kehidupan bersama anak-anak terjamin.

kan kepada golongan yang memerlukan.

### Cik Epal


Kisah perceraian pempengaruh Jofliam dan Cik Epal boleh dikatakan bertukar buruk selepas pendedahan demi pendedahan terlondong.

'Keuntungan' kini berpihak kepada Cik Epal yang menerusi pendedahan di media sosial tentang dirinya teraniaya namun memilih senyap sehingga sah cerai.

Selain sibuk mengikuti kelas vokal untuk merakamkan single yang dibikin oleh Aepul Roza, Cik Epal juga rasmi menandatangi kontrak dengan syarikat tekstil gergasi Malaysia, Jakel.

Dia juga ditawarkan pekerjaan oleh Pak Mat Western namun belum memberi kata putus kerana meletakkan harga kerjasama dengan nilai RM200,000. - MALIAH SURIP

# GEMPAK SINEMA



Pengarah: Reka Wijaya  
Pelakon: Prilly Latuconsina, Dikta Wicaksono, Surya Caputra, Dominique Sanda, Widi Mulia, Gracia Ayke, Antonio Blanco Jr., Kristo Immanuel, Ummi Quary, Surya Saputra  
Genre: Drama

Film Bolehkah Sekali Saja Kumenangis mengikuti kisah perjalanan hidup Tari, seorang perempuan muda yang menghadapi kekerasan dalam rumah tangga. Setelah kakaknya pergi dari rumah, Tari berjuang seorang diri untuk menyelamatkan ibunya dari sang ayah yang selalu bersikap kasar.

Pengarah: Siva  
Pelakon: Suriya, Disha Patani, Bobby Deol  
Genre: Aksi, Drama, Fantasi, Thriller

Francis "Frankie" Theodore, seorang detektif di Goa, mendapati takdirnya terkait secara misteri dengan Kanguva, seorang pahlawan kuno yang berani. Bersama-sama, merentasi masa dan melawan arus, mereka harus memenuhi janji selama berabad-abad.

Pengarah: Feisal Azizuddin  
Pelakon: Musyirah Mohtar, Shafizy Selamat, Firdaus Sufiyan, Raff Roslee, Hazi Juzaili  
Genre: Seram

Sekumpulan individu terdampar di satu kawasan yang tidak berpenanda, mereka terpaksa meredah ke dalam kawasan tersebut untuk mencari jalan keluar. Namun, semakin jauh mereka menjelajah, mereka menemui makhluk purba yang telah wujud sejak sebelum kemunculan manusia.

## GMW: Fattah Amin Masih Juara Carta!

Duda hot pujaan Malaya ketika ini, Fattah Amin masih menjuarai takhta Selebriti Paling Trending menewaskan Anna Jobling, Meerqeen, Erysha Emryra dan Jazmy Juma.

Manakala lagu baharu Ezra Kairo berjudul Alahai menduduki tangga teratas kategori Lagu/Audio Trending selepas Cinta Tak Pernah Tepat Waktu - Aina Abdul ft Fabio Asher dan Sangkar Derita - Haqiem Rusli.

Kelas Tahanan Cikgu Hiragi pula menduduki tangga pertama kategori Drama Trending.

Gempak Most Wanted menyenaraikan kandungan hiburan digital mingguan paling tular dari pelbagai platform media sosial setiap minggu.

Kandungan-kandungan ini dipilih berdasarkan pencalonan umum daripada orang awam dan jumlah undian daripada netizen di gempak.com/gempakmostwanted.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Undi calon Carta Mingguan Gempak Most Wanted kegemaran anda untuk peluang melayakkan calon carta mingguan ke Top 20 GMW Awards 2024.

Undian dibuka bermula Rabu, 11.00 malam sehingga Rabu minggu hadapan, 10.30 malam.



Jom semak senarai pempengaruh dan selebriti paling trending di carta mingguan GMW.

### SELEBRITI TRENDING

1. Fattah Amin
2. Anna Jobling
3. Meerqeen
4. Erysha Emryra
5. Jazmy Juma

### LAGU/AUDIO TRENDING

1. Alahai - Ezra Kairo
2. Cinta Tak Pernah Tepat Waktu - Aina Abdul ft Fabio Asher
3. Sangkar Derita - Haqiem Rusli
4. Musnah - Danial Kifli
5. Kembalilah - Fathi Saleem

### DIGITAL CREATOR TRENDING (BEAUTY & FASHION)

1. Yanaa Hassan
2. Warah
3. Raidah Nurr
4. Agy
5. Sofea Shrae

### DRAMA TRENDING

1. Kelas Tahanan Cikgu Hiragi
2. Uncle Bos Mama
3. Cinta Untuk Sekali Lagi
4. Nuh & Nayla
5. Dedaun Hijau Di Angin Lalu


**Gempak Most Wanted**  
Gempak Most Wanted merupakan sebuah rancangan carta interaktif mingguan memfokuskan segala yang trending, viral & sensasi di semua platform digital. Dihoskan oleh Amelia Henderson & Sean Lee.

**Carta Mingguan Gempak Most Wanted**  
Undi carta mingguan Gempak Most Wanted sekarang dan tentukan Top 5 setiap minggu!

**HANTARKAN PENCALONAN UMUM ANDA**

**UNDI CALON BULAN OGOS SEKARANG!**

**CARTA MINGGUAN**



## Kiki Fateha Juara The Chosen One 2024, Bawa Pulang RM30,000

Anak didik Aepul Roza, Kiki Fateha, dinobatkan sebagai juara musim kedua The Chosen One 2024.

Menyampaikan lagu Butter (BTS), Jangan Kau Mimpi (Allahyarhamah Siti Sarah) dan Kau Kekasihku (Siti Nurhaliza), persembahannya telah berjaya menambat hati juri.

"Alhamdulillah, saya bersyukur dan tidak menyangka akan menjadi juara sebab semua peserta lain hebat-hebat," katanya.

Kiki Fateeha menerima hadiah berupa wang tunai RM 30,000 dan trofi sumbangan Astro.

Naib juara pula berjaya menjadi milik Akhil Mikhail yang membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM 20,000 dan trofi sumbang Astro.

Manakala tempat ketiga berjaya dimiliki oleh Atikah Rose dan layak menerima hadiah wang tunai sebanyak RM 10,000 serta trofi sumbangan Astro.

Sementara itu, Azry Sabri pula dinobatkan sebagai pemenang tempat keempat serta membawa pulang wang tunai sebanyak RM 5,000 dan trofi sumbangan Astro.

Pentas Akhir The Chosen One 2024 telah melakukan siaran langsung pada hari Jumaat, jam 9 malam menerusi saluran Astro Ceria (saluran 611) dan Astro Ria (saluran 104).

## AI & Project; Exit: Astro Bawa Sokongan Moral di Media Sosial

Astro melancarkan inisiatif menggunakan kecerdasan buatan (AI) untuk memupuk keterlibatan positif di media sosial bersama pelakon Project; Exit, Mierul Aiman dan Shasha Abedul.

Inisiatif ini bertujuan memperkasakan pelakon dan memberi sokongan moral kepada pengguna yang memerlukan dorongan emosi. Ia juga berfungsi sebagai promosi untuk siri Project; Exit yang disiarkan pada 1 November (Bahagian 1) dan 15 November (Bahagian 2).

Dengan teknologi AI, pelakon Project; Exit akan memberikan sokongan positif di media sosial melalui respons yang meniru gaya mereka, membantu pengguna yang berasa sedih atau cemas. Sistem pemantauan sosial mengenal pasti perkongsian yang memerlukan sokongan, menghasilkan hingga 50 respons sehari.

Astro berharap inisiatif ini memberi impak bermakna, terutamanya kepada golongan muda di media sosial.

Peminat boleh mengikuti siri ini di Astro On Demand dan platform lain dengan tanda pagar #ProjectExit.




## NE-YO Pukau 6,000 Peminat Di Kuala Lumpur

Penyanyi R&B terkenal, NE-YO, kembali ke Kuala Lumpur menerusi konsert NE-YO: Live in Malaysia 2024 yang berlangsung pada 9 dan 10 November di Dewan Plenary, KLCC.

Konsert yang dinanti-nantikan ini memukau lebih 6,000 peminat yang turut menyaksikan persembahan bertenaga NE-YO, yang menyanyikan lagu-lagu hit klasik seperti "So Sick", "Miss Independent", dan "Mad", serta lagu-lagu party ikonik.

NE-YO juga mempersembahkan lagu terbaru kolaborasinya bersama AFROJACK dan Pitbull, "2 The Moon", menjadikan konsert ini sebagai penutup jelajah Asia beliau.




## Kenangan Manis Di Konsert Battle Of The Time: Exists x Masdo

Konsert Battle of the Time Exists x Masdo yang diadakan di Dewan Merdeka WTCKL, Kuala Lumpur pada malam Ahad telah meninggalkan kenangan manis buat 2,000 peminat yang hadir.

Berpadu energi, Exist dan Masdo telah mempersembahkan 26 lagu popular mereka sepanjang konsert, antaranya Bunga, Seperti Dulu, Mama Tolonglah Percaya dan banyak lagi.

Selain persembahan solo, kedua-dua kumpulan turut bergabung di atas pentas dalam segmen encore, mempersembahkan lagu-lagu seperti "Pujaanku" dan "Muda Mudi", yang memeriahkan lagi suasana.






## Malaysian Singer Lyia Meta Nominated for Grammy Award

Malaysian-born singer Lyia Meta made history as the first Malaysian artist nominated for a Grammy.

Her vocals were featured in "Delta Shine," a track on Antonio Vergara's album The Fury, which received a nomination in the Best Contemporary Blues Album category.

This achievement showcases the global potential of Malaysian artists. The 2025 Grammy Awards will take place on February 2, 2025.



Asia's Most Beautiful Libraries	
1 Rotunda Library & Archive	Singapore
2 National Library of Indonesia	Jakarta
3 Starfield Library	Seoul
4 Tianjin Binhai Library	Yancheng
5 Nakajima Library	Akita
6 The David Sassoon Library	Mumbai
7 National Library of Bhutan	Thimphu
8 Bishan Public Library	Singapore
9 Taipei Public Library	Taipei
10 Raja Tun Uda Library	Shah Alam

## Shah Alam Library Among Top 10 Most Beautiful Libraries In Asia

Shah Alam's Raja Tun Uda Library has been ranked 10th in a list of Asia's most beautiful libraries.

The library, opened in 2011, is known for its modern design, vibrant colors, and family-friendly amenities like a 3D/6D theatre and a children's area with a giant Reading Tree.

It houses over 400,000 books and offers panoramic views of the nearby Blue Mosque. Other libraries on the list include Indonesia's National Library and South Korea's Starfield Library.



## Malaysian Stray Cat Crowned World Champion

A 9-year-old stray cat named Baby from Malaysia was crowned World Champion at the International Cat Show in Oslo, Norway.

Competing for the second time at the FIFe World Cat Show, Baby charmed judges with her beauty and gentle nature.

Baby was rescued from the streets and trained to socialize in crowded spaces, which helped her win. Her stunning coat, groomed by her owner, played a key role in her victory.